



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : SEJARAH SENI DAN SENIBINA TIMUR**  
**KOD KURSUS : DRD1103**  
**PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (10 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda seperti mana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNG **10** HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Gaya kuil Hindu dalam seni bina India yang terdapat dia Malaysia ialah

- A** Gadag.
- B** Nagara.
- C** Kalinga.
- D** Dravida.

2. Manakah antara berikut merupakan ciri-ciri *Muguija* dalam seni bina China.

- i. diletakkan di bawah cucur atap.
- ii. bahan utama ialah batu dan tanah.
- iii. menyediakan sokongan tambahan pada bumbung.
- iv. struktur kerangka kayu bagi bangunan tradisional china

- A** i, ii
- B** i, iii
- C** i,ii,iii
- D** i, iii,iv

- Skrin kertas legap
- Berfungsi sebagai pintu dan dinding

Soalan 3 berdasarkan kenyataan A

3. Penyataan ini merujuk kepada

- A** Shoji.
- B** Ranma.
- C** Fusuma.
- D** Chabudai.

4. Antara elemen dalam seni bina Islam adalah

- i. Khat.
- ii. Geometri.
- iii. Arabesque.
- iv. Caravanserai.

**A** i, ii

**B** i, iii

**C** i,ii,iii

**D** i, ii,iv

5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang seni bina Thailand.

**A** Representasi simbolik tuhan dalam rupa manusia.

**B** Terdiri daripada campuran elemen purba dan moden.

**C** Mempunyai tembok besar, kursusnya istana-istana lama.

**D** Hiasan pada bumbung yang berbentuk melengkung yang dipanggil *ngao*.



Soalan 6 berdasarkan **Gambarajah A**

6. Bentuk bumbung gambarajah A diinspirasi daripada

**A** Perahu.


**B** Parang.

**C** Tanduk kerbau.

**D** Burung Merpati.

7. Tempat upacara berubat dan mandi mayat dalam seni bina rumah tradisional Melayu terletak di

- A Anjung.
- B Selasar.
- C Pelantar.
- D Rumah Ibu.



Soalan 8 berdasarkan Carta 1.

8. Berdasarkan carta 1, bahagian ‘Z’ mewakili

- A Vihara.
- B Stupas.
- C Torana.
- D Stambha.

9. Berikut merupakan fungsi pavilion bertingkat dalam seni bina China.

- A Bentuk bulat atau octagonal.
- B Genting bumbung bewarna kuning digunakan.
- C Tempat menyimpan artikel dan dokumen penting.
- D Simbol agama Buddha yang biasanya dibina di dalam kompleks kuil.

10. Manakah antara berikut merupakan rumah tradisional seni bina Indonesia

i



ii



iii



iv



- A i, ii
- B i, iv
- C ii, iii
- D ii, iv

[10 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.


**SOALAN 1**

Soalan 1 (a) berdasarkan **Gambarajah B**

- a. Berdasarkan pengetahuan anda dalam seni bina rumah Jepun
  - i. Berikan **tiga (3)** elemen yang terdapat dalam gambarajah B.  
(3 markah)
  - ii. Terangkan secara ringkas jawapan anda di (a) (i)  
(6 markah)
- b. Ikebana merupakan salah satu elemen penting dalam hiasan seni bina Jepun.
  - i. Berikan definisi Ikebana  
(2 markah)
  - ii. Terangkan **dua (2)** fungsi Ikebana  
(4 markah)

**SOALAN 2**

Berikut merupakan kuil Hindu dalam seni bina India.



Soalan 2 (a) dan (b) berdasarkan **gambarajah B**

- Namakan elemen **a,b,c,d** dan **e** pada kuil dalam gambarajah B.  
(5 markah)
- Terangkan secara ringkas fungsi semua elemen pada Gambarajah B.  
(10 markah)

**SOALAN 3**

Masjid merupakan salah satu contoh bangunan dalam seni bina Islam yang masyhur.

- Berdasarkan pengetahuan anda tentang seni bina Islam.
  - Berikan **tiga (3)** struktur terpenting dalam sesebuah masjid.  
(3 markah)
  - Terangkan secara ringkas fungsi setiap struktur tersebut.  
(6 markah)
- Pada pandangan anda, bagaimanakah doktrin atau prinsip Islam dijelmakan dalam pembinaan masjid? Jelaskan jawapan anda  
(6 markah)

**SOALAN 4**

- a. Berdasarkan pengetahuan anda dalam seni bina China
- i. Nyatakan **tiga (3)** ciri-ciri umum yang terdapat dalam majoriti binaan seni bina China  
(3 markah)
  - ii. Apakah yang dimaksudkan dengan Feng Shui dan jelaskan aplikasinya dalam seni bina China  
(6 markah)
- b. Senaraikan **tiga (3)** wu'ding (*bumbung*) yang digunakan dalam senibina China dan lakarkan jawapan anda dalam ruang jawapan yang disediakan.

i.	ii.	iii.
Lakaran:	Lakaran:	Lakaran:

(6 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

*"Tumbuh berpunca,  
Punca penuh rahsia,  
Tumbuh tidak manenjak kawan,  
Memanjat tidak memaut lawan,  
Tetapi melingkar penuh mesra..."*

Soalan 1 berdasarkan **Kenyataan A**

- a. Kenyataan A merupakan ungkapan bagi elemen seni dalam seni bina rumah Melayu.
- i. Namakan elemen pada rumah melayu yang dikaitkan dengan kenyataan A.  
(1 markah)
- ii. Terangkan fungsi elemen di (a)(i)  
(4 markah)
- iii. Berdasarkan kreativiti anda, lakarkan corak elemen dalam kenyataan A pada perabot harian pilihan anda.  
(10 markah)

**SOALAN 2**

- a. Berdasarkan pengetahuan anda tentang seni bina Thailand.
- i. Senaraikan **lima (5)** bahagian dalam seni bina Wat Thai  
(5 markah)
- ii. Terangkan secara ringkas jawapan anda di (a) (i)  
(10 markah)

**SOALAN 3**

Berdasarkan pengetahuan anda tentang seni dan seni bina Indonesia, lakar dan terangkan secara ringkas ciri-ciri binaan seni bina berikut:

- i. Rumah Gadang
- ii. Pura Bali
- iii. Rumah Tongkonan

(15 markah)

**[30 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**